

# Enam petugas Al Jazeera disiasat

Kesemua mereka selesai beri keterangan di Bukit Aman

Oleh IZWAN ROZLIN

KUALA LUMPUR

**S**eramai enam kakitangan agensi berita antarabangsa *Al Jazeera* bersama tujuh peguam dilihat meninggalkan perkarangan Bukit Aman petang semalam selepas selesai memberikan keterangan berhubung penerbitan dokumentari kontroversi *Locked Up In Malaysia's Lockdown*.

Kumpulan berkenaan dilihat keluar dari Bukit Aman kira-kira jam 3 petang dengan menaiki sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Vellfire dan kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Honda HR-V.

Bagaimanapun, cubaan pihak media yang menunggu seawal jam 9 pagi untuk menda-



Enam petugas stesen penyiaran *Al Jazeera* bersama tujuh peguam dilihat keluar daripada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk dirakam keterangan semalam.

patkan sebarang kenyataan menemui jalan buntu apabila kumpulan berkenaan enggan ditemu ramah.

Difahamkan, kesemua individu yang tiba di Bukit Aman sekitar jam 8.50 pagi itu terdiri daripada penerbit, editor, wartawan dan jurukamera serta mereka yang terbabit dalam menerbitkan dokumentari kontroversi tersebut.

Kehadiran mereka adalah untuk memberikan keterangan kepada Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman susulan penerbitan dokumentari itu yang mempertikaikan kaedah pihak penguat kuasa menangani pendatang asing tanpa izin (PATI) sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Peguamnya, Hisyam Teh Poh Teik turut mengesahkan pihak *Al Jazeera* turut membuat satu laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, kelmarin selepas menerima pelbagai ugutan.

“Mereka bimbang dengan beberapa ugutan yang diterima melalui pelbagai medium termasuk dalam talian melalui komen-komen pengguna media sosial.

“Justeru mereka membuat laporan polis kerana bimbang dengan keselamatan diri masing-masing terutama yang terlibat dalam penerbitan dokumentari berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador ketika sidang akhbar semalam mengesahkan kehadiran kumpulan berkenaan untuk diambil keterangan.

“Seramai enam kakitangan *Al Jazeera* hadir memberi keterangan di Bukit Aman pagi tadi bersama tujuh orang peguam. Seorang lagi individu yang bertanggungjawab memuat naik rakaman dokumentari tersebut pula hadir untuk memberikan

keterangannya kira-kira jam 3 petang tadi,” katanya.

Kelmarin, polis memaklumkan sudah memanggil seramai empat saksi daripada pihak *Al Jazeera* untuk hadir memberi keterangan pada jam 10 pagi namun kumpulan berkenaan tiba di Bukit Aman lebih awal dari masa ditetapkan dipercayai untuk mengelak liputan media.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed sebelum itu mengesahkan telah menerima sebanyak lima laporan polis berhubung penyiaran dokumentari berkenaan yang berat sebelah, tidak tepat dan memburukkan Malaysia dalam usaha mengekang pandemik coronavirus (Covid-19) membabitkan warga asing.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 kerana menghasut, Seksyen 500 Kanun Keseksian kerana menyiarkan berita fitnah dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana menyalahgunakan rangkaian perkhidmatan secara tidak wajar.